



CRIMINAL TRIAL ADVOCACY COURSE

Ipoh Court Complex

26 and 27 Sept 2026 (Saturday and Sunday)

26 Sept – 8:45 am to 5:00 pm (Saturday) | 27 Sept – 10:00 am to 5:00 pm (Sunday)

CPD Code: T3/2627092026/BC/PRK261057/12
CPD Points: 12

REGISTRATION FEE: RM300

[CLICK HERE TO REGISTER](#)

Criminal Trial Advocacy is a skill that can be learnt. The Bar Council Advocacy Training Committee has been providing this course to Members of the Bar for more than 15 years now. This course provides an opportunity for any Member of the Bar not only to understand and enhance their advocacy skills generally, but also to learn specific criminal defence advocacy skills. One does not have to be a criminal law practitioner to participate in this course. Any Member of the Bar can benefit from this course.

Under the personalised tutelage of two senior lawyers with experience in handling criminal trials, you will be one of the six participants in a courtroom.

You will be asked to do examination-in-chief, cross-examination and submission in a drug-related case study under the watchful eyes of your trainers.

Your performance will be recorded and the video will be used as a teaching aid to explain areas which can be improved.

There is also a separate component on mitigation where you will be asked to do a plea in mitigation for your clients. You will then be shown ways to improve your level of advocacy in these areas.

It is an intense course but having heard from the previous participants how this course has been rewarding to them, we can assure you that the knowledge and skill you will learn from this course will enhance your level of competency, not only in advocacy skills in general but particularly in criminal defence advocacy skills.

WHY YOU SHOULD ATTEND

- Employs proven teaching method used throughout the Commonwealth
- Utilises simulated trial settings
- Taught by practitioners and trainers with experience

MORE BENEFITS

- Gain 12 CPD points
- Receive personalised attention | 2 trainers per group of 6 participants
- Obtain a certificate of attendance

WHAT YOU GAIN

- Confidence in conducting examination-in-chief and cross-examination
- Ability to deftly argue your case at the close of the *prima facie* stage and at the conclusion of the trial
- Receive practical insights and constructive feedback from trainers
- Development of skills in a simulated courtroom environment
- The video reviews enable you to enhance your advocacy skills

Terms and Conditions

Event Policy

Places are limited and registration is on a first come, first served basis. The registration for this session will close on **11 Sept 2026 (Friday)**, at **12:00 pm**.

Participants may elect to perform the roles assigned to them for this course in either Bahasa Melayu or in English.

For events with registration fees, all payments must be made in advance, including bank charges. Registration will be confirmed once proof of payment is provided by email or fax, and full payment is received.

The organiser reserves the right to modify, cancel or postpone the event, should circumstances arise that make such action necessary, whereupon all registration fees paid will be refunded.

Cancellation

Cancellations must be made in writing.

Please note that there will be **no refunds** for cancellations, but substitutions are allowed. Kindly inform us in writing with the relevant details at least **three** days in advance.

If you have failed to inform the organiser on your cancellation for three consecutive times, you may be blacklisted for future events.

Transferral

You are allowed to transfer your place to another participant, but you must notify the organiser with the necessary details at least three days in advance.

Attendance

CPD points for the CPD Scheme will not be awarded to lawyers and pupils in chambers from Peninsular Malaysia who arrive more than 15 minutes late, are not present throughout the event, or leave before its scheduled end.

Privacy

The personal information that you provide to the Malaysian Bar, whether now or in the future, may be used, recorded, stored, disclosed or otherwise processed by or on behalf of the Malaysian Bar for the purposes of facilitation and organisation of this event, research and audit, maintenance of a participant database for the promotion of this event, and such ancillary services as may be relevant.

Disclaimer

- Materials (if any) will be emailed only. No printed notes will be provided.
- No recording of the event is permitted via any means at any time.
- No part of the event content may be used / reproduced in any form without the written and explicit consent of the Malaysian Bar and speaker(s).

Organised by: Bar Council Advocacy Training Committee | For enquiries, please email: cpd.events@malaysianbar.org.my

Issued by: Lavinia Kumaraendran, Chairperson, Bar Council Advocacy Training Committee



KURSUS LATIHAN KEPEGUAMAN JENAYAH

Kompleks Mahkamah Ipoh

26 dan 27 September 2026 (Sabtu dan Ahad)
26 September – 8:45 pagi hingga 5:00 petang (Sabtu) dan
27 September – 10:00 pagi hingga 5:00 petang (Ahad)

Kod Skim Pembangunan Profesional Berterusan
("CPD"): T3/2627092026/BC/PRK261057/12 | Mata CPD: 12

YURAN PENDAFTARAN: RM300

**KLIK DI SINI UNTUK
MENDAFTAR**

Kepeguaman perbicaraan jenayah adalah kemahiran yang boleh dipelajari. Bar Council Advocacy Training Committee telah mengajar kursus ini kepada Ahli Badan Peguam Malaysia lebih daripada 15 tahun. Kursus ini memberi peluang kepada Ahli Badan Peguam Malaysia bukan sahaja untuk memahami dan meningkatkan kemahiran kepeguaman mereka secara am, bahkan juga untuk mempelajari kemahiran kepeguaman perbicaraan jenayah yang khusus. Seseorang tidak perlu menjadi pengamal undang-undang jenayah untuk menyertai kursus ini. Mana-mana Ahli Badan Peguam Malaysia boleh mendapat manfaat daripada kursus ini.

Anda akan menjadi salah seorang daripada enam peserta di dalam bilik mahkamah dan akan menerima bimbingan peribadi daripada dua peguam yang berpengalaman dalam mengendalikan perbicaraan jenayah.

Anda akan diminta untuk melakukan pemeriksaan utama (*examination-in-chief*), soal balas (*cross-examination*) dan hujahan dalam kajian kes berkaitan dadah di bawah pengawasan pengajar anda.

Persembahan anda akan dirakamkan dan rakaman ini akan digunakan oleh pengajar anda untuk menunjuk ajar perkara-perkara yang boleh diperbaiki.

Terdapat juga komponen berasingan mengenai mitigasi. Anda akan diminta untuk membuat rayuan dalam mitigasi untuk anak guam anda. Kemudian anda akan ditunjukkan cara untuk meningkatkan tahap kepeguaman anda dalam bidang ini.

Kursus ini bersifat intensif tetapi setelah mendengar maklum balas daripada peserta terdahulu tentang bagaimana kursus ini memanfaatkan mereka, kami boleh memberi jaminan kepada anda bahawa pengetahuan dan kemahiran yang anda akan pelajari daripada kursus ini akan meningkatkan tahap kecekapan anda, bukan sahaja dalam kemahiran kepeguaman secara umumnya tetapi secara khusus dalam kemahiran kepeguaman pembelaan jenayah.

KENAPA ANDA PERLU SERTAI

- Menggunakan kaedah pengajaran yang terbukti di seluruh Komanwel
- Penggunaan kaedah perbicaraan dan pendengaran secara simulasi
- Dikendalikan oleh pengamal undang-undang dan pengajar yang berpengalaman

MANFAAT TAMBAHAN

- Mendapat 12 mata CPD
- Menerima latihan yang diperibadikan | 2 pengajar untuk setiap kumpulan yang terdiri daripada 6 peserta
- Mendapat sijil kehadiran

MANFAAT YANG ANDA AKAN PEROLEH

- Keyakinan semasa menjalankan pemeriksaan utama saksi dan pemeriksaan soal balas saksi
- Keupayaan untuk berhujah kes anda dengan cekap pada akhir kes pendakwaan dan akhir kes pembelaan
- Menerima maklum balas praktikal dan membina daripada pengajar
- Peningkatan kemahiran dalam persekitaran bilik perbicaraan secara simulasi di dalam mahkamah
- Tunjuk ajar menerusi video membolehkan anda mempertingkatkan kemahiran advokasi

Terma dan Syarat

Polisi Acara

Tempat adalah terhad dan pendaftaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat. Pendaftaran untuk sesi ini akan ditutup pada **11 September 2026 (Jumaat)**, pada **pukul 12:00 tengah hari**.

Peserta boleh memilih untuk melaksanakan peranan yang diberikan kepada mereka bagi kursus ini sama ada dalam Bahasa Melayu atau dalam Bahasa Inggeris.

Bagi acara yang dikenakan yuran pendaftaran, semua pembayaran mesti dibuat terlebih dahulu, termasuk caj bank. Pendaftaran akan disahkan selepas bukti pembayaran dihantar melalui e-mel atau faks, dan pembayaran penuh diterima.

Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan atau menangguhkan acara sekiranya berlaku keadaan yang memerlukan tindakan tersebut. Dalam keadaan ini, semua yuran pendaftaran yang telah dibayar akan dikembalikan.

Pembatalan

Pembatalan mesti dibuat secara bertulis.

Sila ambil perhatian bahawa **tiada bayaran balik** untuk pembatalan, tetapi penggantian peserta dibenarkan. Sila maklumkan kepada kami secara bertulis dengan butiran yang relevan sekurang-kurangnya **tiga** hari sebelum acara.

Jika anda gagal maklumkan penganjur mengenai pembatalan sebanyak tiga kali berturut-turut, anda mungkin akan disenaraihitamkan untuk acara pada masa depan.

Pemindahan

Anda dibenarkan untuk memindahkan tempat anda kepada peserta lain, tetapi anda mesti memaklumkan kepada penganjur dengan butiran yang diperlukan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum acara.

Kehadiran

Mata CPD untuk Skim CPD tidak akan diberikan kepada peguam dan pelatih dalam kamar dari Semenanjung Malaysia yang tiba lewat lebih daripada 15 minit, tidak hadir sepanjang acara, atau meninggalkan acara sebelum tamat waktu yang dijadualkan.

Privasi

Maklumat peribadi yang anda berikan kepada Badan Peguam Malaysia, sama ada kini atau di masa hadapan, boleh digunakan, direkod, disimpan, didedahkan atau diproses oleh atau bagi pihak Badan Peguam Malaysia untuk tujuan memudahkan dan menganjurkan acara ini, penyelidikan dan audit, penyelenggaraan pangkalan data peserta untuk promosi acara ini, dan perkhidmatan sampingan yang relevan.

Penafian

- Semua bahan kursus (jika ada) akan dihantar melalui e-mel sahaja. Tiada nota bercetak akan disediakan.
- Peserta tidak dibenarkan merakam kursus ini melalui apa-apa cara.
- Tiada bahagian kursus ini boleh diterbitkan dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada Badan Peguam Malaysia dan penceramah.